



**MINIT MESYUARAT KALI KE-63 MAJLIS BERSAMA JABATAN
YANG DIADAKAN PADA HARI RABU 19 OGOS 2020, JAM 2.30 PETANG
BERTEMPAT DI BILIK PERSIDANGAN CANSELORI (CCR),
ARAS 6, BANGUNAN CANSELORI, UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

Kehadiran : Pengerusi

YBrs. Profesor Dr. Faisal Rafiq bin Mahamd Adikan
Naib Canselor

Ahli Wakil Majikan

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Farhan bin Mohd Sadullah
Timbalan Naib Canselor
Akademik & Antarabangsa

YBrs. Dr. Musa bin Ali
Pendaftar

YBrs. Dr. Khairul Anuar bin Che Azmi
Penasihat Undang-Undang

YBrs. Encik Kamarul Ariffin Bin Ngah
Bendahari

Encik Mohd Azizudin bin Mohd Shariff
Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

Ahli Wakil Pekerja

Wakil Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

YBhg. Profesor Madya Dato' Dr. Sundramoorthy A/L
M.Pathmanathan (Presiden)
Profesor Madya Dr. Baharudin bin Ibrahim
Dr. Ahmad Sufriil Azlan bin Mohamed
Dr. Syahidah Akmal binti Muhammad
Dr. Ooi Cheong Hwa

Wakil Kesatuan Kakitangan Am USM

YBrs. Encik Abdul Rahman bin Md. Ibrahim (Presiden)
Encik Azham bin Murat
Encik Ahmad Rizwan bin Zulkharnain
Encik Rahmat bin Md Hassan
Puan Azliza Binti Ahmad

Setiausaha Bersama

Encik Mohd Zulkarnain bin Mohamad Tajulariffin
Timbalan Pendaftar

Bahagian Sumber Manusia

Encik Nor Amin bin Ahmad
Setiausaha
Kesatuan Kakitangan Am

Turut Hadir

Encik Roslan Bin Ismail
Pengarah
Pusat Transformasi Insan

Dr. Muhamad Zabidi Bin Ahmad
Pensyarah Perubatan
Institut Perubatan dan Pergigian Termaju

Puan Asnah Binti Hassan
Pegawai Teknologi Maklumat F52
Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi

Tidak Hadir:

YBhg. Profesor Dato' Dr. Ahmad Sukari bin Halim
Pengarah Kampus Kesihatan

YBrs. Profesor Dr. Nor Azazi bin Zakaria
Pengarah Kampus, Kampus Kejuruteraan

Profesor Madya Dr. Muzaimi Mustapha
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Mohammad Zaip bin Ahmad
Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM

Encik Mohd Zulkifly bin Ibrahim
Kesatuan Kakitangan Am

Encik Syaarani Amri bin Muhamad
Kesatuan Kakitangan Am

MINIT 1

Aluan Pengerusi

Pengerusi mengalu-alukan kedatangan dan merakamkan ucapan terima kasih kepada semua ahli yang hadir ke Mesyuarat kali ke-63 Majlis Bersama Jabatan.

Pengerusi mengucapkan terima kasih di atas inisiatif Pendaftar mengadakan Pra-Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan bersama pihak KKAUSM yang telah diadakan pada 27 Julai 2020.

Mesyuarat mengambil maklum berkenaan ketidakhadiran ahli majlis daripada Wakil Pegawai dan Wakil Pekerja ke Mesyuarat kali ke-63 Majlis Bersama Jabatan.

Pengerusi merakamkan tahniah kepada semua ahli majlis atas penerimaan penghargaan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia kepada Universiti Sains Malaysia kerana telah berjaya mengikut piawaian yang ditetapkan dengan melaksanakan Mesyuarat MBJ pada tahun 2019 dengan jayanya.

MINIT 2 Pengesahan Minit Mesyuarat

Mesyuarat mengesahkan Minit Mesyuarat ke-62 Majlis Bersama Jabatan yang telah diadakan pada hari Selasa, 18 Februari 2020, jam 2.30 petang bertempat di Bilik Persidangan Canselori (CCR), Aras 6, Bangunan Canselori, Universiti Sains Malaysia.

MINIT 3 Perkara-Perkara Berbangkit Dari Mesyuarat Ke-62

3.1 [Minit 6.1] Keahlian Automatik Kesatuan Kakitangan Am USM

Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia mengambil perhatian mesyuarat dengan memaklumkan bahawa pihak KKAUSM telah menghantar surat kepada BSM mengenai permohonan pemotongan bayaran yuran keahlian secara automatik kepada semua staf. Perkara ini adalah lanjutan kepada keputusan Mesyuarat kali ke-62 MBJ pada 18 Februari 2020 yang lalu.

Mesyuarat dimaklumkan bahawa, hasil daripada rujukan dan perbincangan BSM bersama pihak Pejabat Perundangan Universiti, mendapati bahawa potongan secara automatik adalah wajar untuk dilakukan. Oleh itu, Bahagian ini mencadangkan supaya pihak KKAUSM membuat resolusi terlebih dahulu di dalam Mesyuarat Agung Tahunan KKAUSM dan di samping menyarankan pihak KKAUSM untuk mengadakan *townhall* di semua kampus supaya perkara ini dapat disampaikan secara meluas.

Presiden PKAPUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa pihak PKAPUSM pernah membangkitkan hal ini dalam kalangan PKAPUSM untuk mewajibkan keahlian setiap kakitangan akademik dan pentadbiran. Susulan daripada itu, pihak PKAPUSM mengambil langkah untuk menjalankan kaji selidik kepada beberapa staf akademik dan pentadbiran. Walau bagaimanapun, hanya 50% sahaja yang bersetuju apabila kaji selidik dijalankan.

Presiden KKAUSM memberi maklum balas bahawa Hal Ehwal Kesatuan Sekerja hanya membenarkan keahlian secara automatik dalam kalangan staf sekiranya dibenarkan oleh pihak Universiti.

Pengerusi telah menyatakan kepada mesyuarat bahawa Universiti tiada halangan di peringkat pentadbiran dalam perkara ini. Namun, ia haruslah diberi perhatian tentang bagaimana cara pelaksanaan yang sewajarnya.

[Tindakan & Makluman: Wakil Pekerja]

MINIT 4 Perkara Daripada Pihak Majikan

4.1 Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF)

Mesyuarat dimaklumkan bahawa Universiti melalui Jabatan Pendaftar dan Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT) akan memperkenalkan Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF).

Pendaftar memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) kali ke-177 pada 12 Ogos 2020 telah meluluskan pelaksanaan SKKF di Universiti Sains Malaysia secara percubaan mulai 1 September 2020 hingga 31 Disember 2020. SKKF dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Pendaftar dan PPKT selaras dengan hasrat kerajaan dalam membina norma baharu urus tadbir sektor awam khususnya sebagai persediaan pasca-Covid19 agar

pemantauan kehadiran dan aktiviti/tugasan rasmi staf dapat dilakukan secara berpusat, mudah dan sistematik.

Untuk makluman mesyuarat, taklimat khas akan diadakan kepada semua Ketua Jabatan dan Pegawai Tadbir pada 27 Ogos 2020 bagi tujuan untuk mendapatkan pandangan dan maklumbalas.

Mesyuarat dipohon untuk memberi perhatian kepada taklimat tersebut dan demonstrasi Sistem Kehadiran Kerja Fleksi (SKKF) yang disampaikan oleh Pendaftar.

Mesyuarat mengambil perhatian terhadap SKKF yang berfungsi secara dalam talian sebagai platform untuk:

- 1) Merekod senarai aktiviti/tugasan rasmi harian staf;
- 2) Merekod lokasi tempat bertugas;
- 3) Merekod kehadiran bertugas staf (clock-in); dan
- 4) Penyelia boleh menyemak dan mengesahkan tugas harian staf di bawah seliaannya
- 5) Memaparkan rekod aktiviti/tugasan harian staf dan memudahkan pemantauan tugas dan produktiviti staf

SKKF boleh dicapai melalui portal **Campusonline USM** atau aplikasi **Passport USM** mulai 1 September 2020. Staf perlu senaraikan tugas/aktiviti yang hendak dilakukan pada hari tersebut dengan sekurang-kurangnya satu (1) tugas sebelum mengemaskini Lokasi dan *Clock-In*. *Clock-In* perlu dilaksanakan antara pukul 7 pagi hingga 9 pagi. *Clock-In* selepas pukul 9 pagi akan dianggap kehadiran '**LEWAT**' (Bagi staf yang tidak terlibat dengan kerja giliran (*Shift*). Staf boleh mengemaskini, tambah atau padam tugas/aktiviti selepas *Clock-In* dan ianya dibenarkan sehingga jam 5 petang sahaja pada hari berkenaan.

Pendaftar memaklumkan kepada mesyuarat bahawa terdapat Dekan yang mencadangkan supaya perkara ini dipanjangkan kepada staf akademik. Oleh itu, Presiden PKAPUSM mencadangkan supaya Pendaftar mengadakan sesi dialog bersama PKAPUSM berkenaan perkara ini sebelum ia dibincangkan secara mendalam di dalam Mesyuarat MBJ.

MINIT 5 : Perkara Daripada Pihak Pekerja

5.1 Persatuan Kakitangan Akademik dan Pentadbiran USM (PKAPUSM)

- Tiada perkara daripada PKAPUSM

5.2 Perkara Daripada Kesatuan Kakitangan Am USM (KKAUSM)

5.2.1 Cadangan Melantik Poliklinik 24 Jam Di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Sebagai Klinik Panel

Pihak KKAUSM mencadangkan agar Universiti dapat mempertimbangkan Poliklinik 24 Jam IPPT dilantik sebagai salah satu klinik panel bagi memberi kemudahan kepada staf mendapatkan rawatan di luar waktu bekerja.

Pendaftar memaklumkan kepada mesyuarat bahawa perkara ini telah dibawa di dalam Pra-Mesyuarat MBJ yang lalu. Susulan daripada itu, Pendaftar mencadangkan supaya pihak KKAUSM mendapatkan data

kajian terhadap bilangan staf yang ingin mendapatkan rawatan selepas waktu bekerja di Poliklinik IPPT sebelum pertimbangan dapat dibuat di peringkat universiti.

Mesyuarat turut dimaklumkan bahawa cadangan ini akan memberi implikasi kewangan khususnya terhadap operasi tambahan yang perlu disediakan oleh pihak IPPT. Sehubungan dengan itu, kajian kos perlu diteliti terlebih dahulu.

[Tindakan : KKAUSM]

5.2.2 Program/Kursus Pengurusan Kewangan

Pihak KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat berkenaan penganjuran program/kursus pengurusan kewangan oleh pihak KKAUSM dengan kerjasama Pusat Transformasi Insan. Program ini yang akan melibatkan staf yang mempunyai komitmen melebihi 60% sebulan.

Presiden KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Kursus Pengurusan Kewangan siri yang pertama akan dilaksanakan pada 24 Ogos 2020 bertempat di Kampus Kesihatan.

Pengerusi amat bersetuju dan memberi sokongan penuh terhadap pelaksanaannya di Universiti Sains Malaysia kerana pengurusan kewangan dapat memberi impak yang besar dalam kehidupan seorang individu terutamanya dalam kalangan staf USM.

MINIT 6 : Hal-hal Lain

6.2 Ucapan Penghargaan daripada Presiden KKAUSM


Presiden KKAUSM memaklumkan kepada mesyuarat bahawa Kesatuan Kakitangan Am USM akan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan pada bulan Disember 2020.

Presiden KKAUSM mengambil kesempatan ini mengucapkan ucapan terima kasih dan memohon maaf sekiranya terdapat kekurangan sepanjang penglibatannya sebagai Presiden kesatuan. Presiden turut memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan kali terakhir beliau menyandang jawatan sebagai Presiden KKAUSM sebelum persaraan.

Pengerusi mewakili ahli mesyuarat mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua ahli PKAPUSM dan KKAUSM yang telah terlibat memberi sokongan yang memberangsangkan kepada pihak Universiti melalui MBJ ini.


Mesyuarat ditangguhkan pada jam 3.30 petang dengan ucapan terima kasih dari Pengerusi kepada semua ahli MBJ yang hadir.

Disediakan oleh :-



ENCIK MOHD ZULKARNAIN BIN
MOHAMAD TAJULARIFFIN
Setiausaha Bersama MBJ USM

Disediakan oleh :



ENCIK NOR AMIN BIN AHMAD
Setiausaha Bersama (Wakil Pekerja)
MBJ USM